

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jumlah rampasan kontena sisa plastik di Pelabuhan Pulau Pinang serta status pemulungannya oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari tahun 2018 hingga kini. Apakah langkah penguatkuasaan yang diambil atau dirancang oleh Kementerian dalam mengatasi masalah/pengimportan berkaitan ke dalam negara daripada berlanjutan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak menjalankan sebarang rampasan kontena sisa plastik di Pelabuhan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, JAS Negeri Pulau Pinang telah menerima 130 kontena yang mengandungi buangan plastik tanpa mempunyai *Approved Permit* (AP) daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) melalui surat JPSPN bertarikh 21 Ogos 2019.
2. Selain itu, JAS Negeri Pulau Pinang juga telah menerima 33 kontena buangan plastik tanpa mempunyai AP semasa operasi bersepadu bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KASTAM), Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) pada 29 September 2020 di Pelabuhan Pulau Pinang.

3. Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Teknikal kepada Pengurusan Sisa Plastik Import yang telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 April 2019 telah menetapkan bahawa JAS perlu mengambil tindakan penghantaran balik kontena ke negara pengeksport ke atas mana-mana kontena barang dagangan buangan plastik (*HS Code 3915*) yang tidak mematuhi perundangan negara. Sehubungan itu, JAS hanya mula menghantar balik kontena buangan plastik haram pada September 2019, selepas mengemukakan notifikasi kepada *Competent Authority* negara pengeksport.

4. Sejak September 2019 hingga September 2021, sebanyak 104 kontena di Pelabuhan Pulau Pinang yang mengandungi buangan plastik haram dan melibatkan 9 negara telah berjaya dihantar. Manakala sebanyak 24 kontena lagi masih di dalam proses penghantaran balik ke negara pengeksport.

Untuk makluman Yang Berhormat,

5. Keseluruhan 24 kontena yang masih belum dihantar balik di Pelabuhan Pulau Pinang sedang dalam tindakan Jabatan ini untuk proses penghantaran balik ke negara pengeksport. Walau bagaimanapun, memandangkan kontena-kontena tersebut telah dilucuthak oleh KASTAM, proses penghantaran balik kontena menjadi bertambah rumit disebabkan tindakan perlu diambil oleh syarikat perkapalan (*shipping liner*). Tambahan pula, sebanyak 16 kontena yang mengandungi buangan plastik haram ini adalah daripada negara Amerika Syarikat yang bukan negara parti kepada Konvensyen Basel.

6. Untuk menyelesaikan isu ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sedang mencari kaedah alternatif ke atas kontena tersebut bagi mengelakkan kontena tersadai lebih lama di pelabuhan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju/perancangan bagi memastikan tiada salah guna berhubung pemilikan rumah jenis mampu milik yang kini banyak disewakan. Adakah klausa serta undang-undang khas akan diwujudkan. Jika tidak, nyatakan apa rasionalnya dan jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta mampu dimiliki, khususnya bagi golongan B40. Dalam menyediakan perumahan kepada golongan B40 khususnya Program Perumahan Rakyat (PPR), terdapat juga penghuni yang mengambil kesempatan menyalahgunakan unit tersebut seperti menyewakan rumah yang telah dihuni kepada pihak lain.

Dalam usaha memastikan tidak berlaku salah guna ke atas pemilikan PPR, proses tapisan untuk pemilihan dibuat secara teliti bagi memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja akan

ditawarkan PPR. Kerajaan telah menetapkan syarat sekatan kepentingan dengan meletakkan halangan menjual atau memindah milik tanah serta melaksanakan apa-apa urusan niaga termasuk sewaan dalam tempoh moratorium selama 10 tahun bagi dokumen perjanjian jual beli dan dokumen hak milik tanah. Sekatan ini bertujuan memastikan rumah PPR dimiliki dan dihuni oleh kumpulan sasaran yang telah ditetapkan.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) juga melaksanakan penguatkuasaan ke atas penghuni PPR dari semasa ke semasa termasuk memeriksa aduan yang diterima bagi memastikan penghuni rumah PPR berkenaan tidak menyewakannya kepada pihak lain. Di samping itu, operasi penguatkuasaan juga dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha menangani pelbagai isu termasuk isu penghuni asal yang menyewakan kepada pihak lain.

Buat masa ini, KPKT belum bercadang untuk mewujudkan undang-undang baharu bagi mengatasi permasalahan penyalahgunaan PPR. Ini kerana telah terdapat peraturan sedia ada yang mencegah serta membolehkan tindakan dikenakan ke atas penghuni yang menyalahgunakan kediaman mereka. Walau bagaimanapun, KPKT sedang mengkaji untuk mewujudkan sistem demerit bagi penghuni PPR untuk memastikan penghuni mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Melalui sistem demerit ini kelak, salah laku serius seperti penyewaan semula PPR kepada pihak lain akan menyebabkan mata merit ditolak dan perjanjian penyewaan boleh dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berikutan peningkatan penderaan kes kanak-kanak di sekolah, taska dan rumah, apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan penguatkuasaan bagi menyekat pengulangan kes.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara.

Antara langkah dan program yang dilaksanakan oleh JKM adalah seperti berikut:-

- i) Pindaan terhadap Akta Kanak-Kanak 2001 pada tahun 2016 meliputi penambahbaikan daripada aspek pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan berkaitan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan serta meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

## SOALAN NO. : 110

- ii) Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Dalam Daftar Kanak-Kanak;
- iii) Program Advokasi - Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K, Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART, Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*), Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dan Program PEKERTI@Sekolah;
- iv) Perluasan liputan perkhidmatan Talian Kasih 15999 dan Whatsapp Talian Kasih 019-2615999 bagi khidmat sokongan, kaunseling, pertanyaan dan aduan;
- v) Pelantikan Pembantu Pelindung seramai 299 sebagai barisan hadapan bagi menyelamatkan dan memberikan perlindungan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak;
- vi) Senarai Semak/Panduan (Infografik) bagi pemilihan pengasuh; Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memandang serius keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di TASKA antara langkah yang diambil adalah:

- i. Melaksanakan **pemantauan secara mengejut dan berkala** ke atas TASKA berdaftar bagi memastikan kualiti dan keselamatan di TASKA terjamin;
- ii. Mewajibkan **pemasangan kamera litar tertutup (CCTV)** di TASKA yang berdaftar dengan JKM kecuali TASKA Di Rumah melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bil 1/2015;
- iii. JKM juga memastikan **status pendaftaran TASKA sentiasa dikemaskini dalam portal JKM** sebagai rujukan dan memudahkan ibu bapa bagi memastikan anak dihantar ke TASKA berdaftar.

- iv. Mengadakan program meningkatkan kesedaran masyarakat dan ibu bapa tentang kepentingan dan kelebihan menghantar anak ke TASKA yang berdaftar dengan JKM;

Langkah-langkah pencegahan ini terpakai di TASKA Institusi, TASKA Tempat Kerja, TASKA Komuniti atau TASKA Di Rumah yang berdaftar dengan jabatan. Manakala bagi kanak-kanak di sekolah pula, JKM sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah sekiranya pelajar di kesan menjadi mangsa penderaan.

Tanggungjawab melindungi kanak-kanak daripada penderaan, penganiayaan dan pengabaian bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Pelindung JKM sahaja tetapi melibatkan pelbagai pihak seperti polis, hospital, mahkamah, pertubuhan sukarela kebajikan, ibubapa, penjaga, kanak-kanak dan komuniti setempat. Kerjasama pelbagai pihak merupakan teras utama dalam penyampaian perkhidmatan berkesan bagi membendung berlakunya kes-kes penderaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan peningkatan kes membunuh diri yang berlaku sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dan PKP, apakah tindakan Kerajaan untuk membantu rakyat keluar dari tekanan hidup dan kemurungan melampau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia amat menyedari tentang permasalahan kesihatan mental dalam kalangan rakyat berikutan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara terutamanya akibat tekanan kehidupan dan juga kemurungan melampau.
2. Menyedari bahawa risiko masalah kesihatan mental adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, KKM telah mengambil tindakan untuk mengukuhkan peranan secara bersepadu pelbagai agensi di dalam menangani permasalahan kesihatan mental dan seterusnya membendung tingkah laku bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia. Antaranya adalah mewujudkan Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental dan Kumpulan Kerja Teknikal Pencegahan Bunuh Diri Kebangsaan yang terdiri daripada pakar-pakar dalam kesihatan mental dan pihak berkepentingan. KKM bekerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi- agensi berikut bagi melaksanakan inisiatif - inisiatif seperti berikut:



**i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**

- a. mengenal pasti keluarga yang terkesan akibat kehilangan/kematian ahli keluarga akibat COVID-19 terutamanya kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa dan seterusnya memberi intervensi dan sokongan psikososial; dan
- b. latihan dan perluasan skop kaunselor dan pegawai kerja sosial di dalam pengendalian isu sosial berkaitan kesihatan mental di peringkat komuniti.

**ii. Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

- a. Libat urus bagi perkongsian data kejadian bunuh diri dan cadangan mendapatkan '*informed consent*' daripada ahli keluarga yang terkesan akibat kejadian bunuh diri agar intervensi kaunseling dan bantuan psikososial (*post-vention*) dapat dilaksanakan oleh pihak KKM;

**iii. Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)**

- a. mewujudkan *taskforce* bagi mengenalpasti topik-topik kesihatan mental yang akan disiarkan di platform media;
- b. menyampaikan mesej-mesej positif kesihatan mental kepada masyarakat untuk meningkatkan literasi kesihatan mental; dan
- c. memastikan pelaporan bertanggungjawab media tentang tingkah laku bunuh diri bagi mengelakkan '*suicide contagion*' kepada mereka yang berisiko dan memantau individu yang mempunyai keinginan bunuh diri di media sosial.

**iv. Kementerian Pendidikan**

- a. memberi input di dalam pelaksanaan Program Minda Sihat Sekolah di mana saringan awal kesihatan mental dilakukan kepada pelajar sekolah supaya intervensi awal dapat diberikan dan latihan kepada guru-guru bagi mengenalpasti masalah kemurungan dan tingkahlaku bunuh diri.

**v. Jabatan Peguam Negara & Kementerian Dalam Negeri**

- a. KKM memberi input bagi menyokong usaha dekriminasi cubaan bunuh diri yang diterajui oleh pihak Jabatan Peguam Negara bagi meminda/memansuhkan Seksyen 309 Kanun Keseksaan.

3. KKM telah pun membangunkan Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental (2020-2025) yang memfokuskan kepada kerjasama pintar (*smart partnership*) antara agensi kerajaan, swasta dan NGO bagi mempromosikan kesihatan mental kepada kumpulan sasar, meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental, meningkatkan kesiapsiagaan kesihatan mental dalam menghadapi kecemasan, krisis dan bencana serta menangani tingkah laku bunuh diri. Implementasi Kempen Let's TALK Minda Sihat merentas agensi turut dilaksanakan bagi menangani stigma terhadap kesihatan mental dan penyakit mental. Dengan kerjasama bersepadu merentas agensi ini dapat memberi manfaat kepada rakyat secara holistik.

Sekian, terima kasih.